

MAHATHIR

1978

PULAU PINANG, 5 MAC (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MASALAH BUMIPUTRA DI PULAU PINANG BUKAN SAHAJA MASALAH NEGERI TETAPI JUGA MASALAH NEGARA.

KERAJAAN PUSAT SANGGUP BERUNDING DENGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DAN PENDUDUK-PENDUDUK DI SINI UNTUK Mencari JALAN CARA-CARA MENGATASI MASALAH ITU, TAMBAHNYA.

KERAJAAN PUSAT TELAH MEMBERI PERUNTUKAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK BUMIPUTRA-BUMIPUTRA DI SINI TETAPI MEREKA SENDIRI MESTI SEDIA DAN MENYIAPKAN DIRI UNTUK MENERIMA BANTUAN ITU, TEGAS BELIAU SEMASA BERUCAP DI SATU PERHIMPUNAN RAMAI DI STADIUM BANDARAYA DI SINI.

PERHIMPUNAN YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 2,000 ORANG ITU DIADAKAN SEMENA PERAYAAN ULANGTAHUN UMNO KE-32 DAN ULANGTAHUN UMNO BAHAGIAN JELUTONG YANG KETIGA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA DENGAN WUJUDNYA ERPADUAN DALAM PARTI, UMNO BERUPAYA MENGHADAPI DAN MENGATASI APA JUGA CABARAN DAN MASALAH YANG AKAN TIMBUL.

BELIAU BERKATA UMNO SEPERTI PARTI YANG MEWAKILI KAUM MELAYU MENDAPAT KEKUATANNYA DARI PERPADUAN ORANG MELAYU DAN TELAH BERJAYA BEKERJASAMA DENGAN LAIN-LAIN PARTI YANG MEWAKILIKAN KAUM LAIN UNTUK KEPENTINGAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA. — BERSAMBUNG 1500/1B

EC

B549

MAHATHIR 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENAFIKAN KECAMAM SEBUAH ARTI POLITIK TERHADAP KERJAAN DENGAN BERBAGAI TOHMAH KONONNYA KERAJAAN LEBIH MENGUTAMAKAN PEMBANGUNAN EKONOMI DARI KEAGAMAAN.

TUDUHAN ITU ADALAH TIDAK BENAR, TEGAS BELIAU.

SEBALIKNYA, MEREKA YANG MEMBUAT TUDUHAN ITU SENDIRI TIDAK MEMBERI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEPERTI MASJID UNTUK PEMBANGUNAN KEAGAMAAN RAKYAT.

KERAJAAN BARISAN NASIONAL, DISAMPING BERCAKAP, JUGA MENGAMALKAN YANG DIKATAKAN DENGAN MEMBERI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK KEMAJUAN KEAGAMAAN, TAMBAHNYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH ISTERI TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. SITI HASMAH, KETUA MENTERI PULAU PINANG DR. LIM CHONG EU DAN PUAN LIM DAN WAKIL-WAKIL DARI PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL.

PERSEMBAHAN SILAT MELAYU DAN SILAT LINCAH TELAH DIADAKAN. — BERNAMA